KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH**

## SUKATAN PELAJARAN

# KHATAM AL-QURAN

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Kementerian Pelajaran Malaysia
2004

Cetakan pertama 2004

© Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan mengeluar atau ulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

PENDIDIKAN di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.





28. Juzuk 28
    (a) Al-Mujadalah
    (b) Al-Hasyr / Al-Mumtahanah
    (c) Al-Saf / Al-Juma'ah / Al-Munafiqun
    (d) Al-Taghabun / Al-Talaq

29. Juzuk 29
    (a) Al-Tahrim / Al-Mulk / Al-Qalam
    (b) Al-Haqqah / Al-Ma'arij
    (c) Nuh / Al-Jin / Al-Muzammil
    (d) Al-Muddasir / Al-Qiyamah / Al-Insan

30. Juzuk 30
    (a) Al-Mursalat / Al-Naba' / Al-Nazi'at
    (b) 'Abasa / Al-Takwir / Al-Infitar
    (c) Al-Mutaffifin / Al-Insyiqaq / Al-Buruj
    (d) Al-Tariq / Al-A'la / Al-Ghasyiah
    (e) Al-Fajr / Al-Balad / Al-Syams
    (f) Al-Laili / Al-Dhuha / Al-Sharh
    (g) Al-Tin / Al-'Alaq / Al-Qadr
    (h) Al-Baiyinah / Al-Zalzalah / Al-'Adiat
    (i) Al-Qari'ah / Al-Takathur / Al-Asr
    (j) Al-Humazah / Al-Fil / Quraisy
    (k) Al-Ma'un / Al-Kauthar / Al-Kafirun
    (l) Al-Nasr / Al-Masad / Al-Ikhlas
    (m) Al-Falaq / Al-Nas

21. Juzuk 21
    (a) Al-Rum (b) Luqman
    (c) Al-Sajdah (d) Al-Ahzab

22. Juzuk 22
    (a) Saba'
    (b) Fathir
    (c) Yasin

23. Juzuk 23
    (a) Al-Saffat
    (b) Sad
    (c) Al-Zumar

24. Juzuk 24
    (a) Al-Zumar
    (b) Al-Mukmin
    (c) Fussilat

25. Juzuk 25
    (a) Al-Syura (b) Al-Zukhruf
    (c) Al-Dukhan (d) Al-Jasiyah

26. Juzuk 26
    (a) Al-Ahqaf (b) Muhammad
    (c) Al-Fath / Al-Hujurat (d) Qaf / Al-Zariyat

27. Juzuk 27
    (a) Al-Tur / Al-Najm
    (b) Al-Qamar / Al-Rahman
    (c) Al-Waqi'ah / Al-Hadid





## FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

PENDIDIKAN Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

## KATA PENGANTAR

Program j-QAF adalah antara usaha memperkasa Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam. Program j-QAF ini dibina berasaskan idea Y.A.B Perdana Menteri Malaysia yang berhasrat melahirkan murid-murid di sekolah rendah yang khatam al-Quran. Beliau juga menyarankan Bahasa Arab diwajibkan, asas-asas fardu ain dihayati dan jawi diperkukuhkan bermula di sekolah rendah.

Tanggungjawab untuk melaksanakan program ini dipikul oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan usaha merealisasikannya oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. Sesungguhnya program j-QAF yang dicadangkan adalah sebahagian daripada pengisian kepada konsep Islam Hadhari yang disarankan oleh Y.A.B Perdana Menteri.

Sesungguhnya pelajaran Khatam al-Quran dalam Program j-QAF ini diharapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya di sekolah-sekolah rendah mulai tahun 2005 secara berperingkat-peringkat sehingga terlaksana sepenuhnya pada tahun 2010.

Kementerian Pelajaran merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat sama ada secara persendirian atau mewakili institusi tertentu atas sumbangan kepakaran, idea, masa dan tenaga sehingga terhasilnya sukatan pelajaran ini.

Sekian, terima kasih.

(TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia



SUKATAN PELAJARAN KHATAM AL-QURAN KBSR

13. Juzuk 13
    - (a) Yusuf
    - (b) Al-Ra'd
    - (c) Ibrahim

14. Juzuk 14
    - (a) Al-Hijr
    - (b) Al-Nahl

15. Juzuk 15
    - (a) Al-Isra'
    - (b) Al-Kahfi

16. Juzuk 16
    - (a) Maryam
    - (b) Taha

17. Juzuk 17
    - (a) Al-Anbiya'
    - (b) Al-Haj

18. Juzuk 18
    - (a) Al-Mukminun
    - (b) Al-Nur
    - (c) Al-Furqan

19. Juzuk 19
    - (a) Al-Furqan
    - (b) Al-Syuara'
    - (c) Al-Naml

20. Juzuk 20
    - (a) Al-Qasas
    - (b) Al-Ankabut

4. Juzuk 4
   (a) Ali Imran
   (b) Al-Nisa’

5. Juzuk 5
   (a) Al-Nisa’

6. Juzuk 6
   (a) Al-Nisa’
   (b) Al-Maidah

7. Juzuk 7
   (a) Al-An’am

8. Juzuk 8
   (a) Al-An’am
   (b) Al-A’raf

9. Juzuk 9
   (a) Al-A’raf
   (b) Al-Anfal

10. Juzuk 10
    (a) Al-Anfal
    (b) Al-Taubah

11. Juzuk 11
    (a) Al-Taubah
    (b) Yunus

12. Juzuk 12
    (a) Hud
    (b) Yusuf





## PENDAHULUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام وعلى سيدنا محمد

وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan keizinan-Nya kita telah berjaya menghasilkan satu lagi sukatan dan mata pelajaran baru yang dikenali sebagai mata pelajaran Khatam al-Quran.

Mata pelajaran Khatam al-Quran ini adalah satu dari komponen yang terdapat dalam program j-QAF. Mata pelajaran ini wajib diikuti oleh semua murid Islam sekolah rendah sehingga khatam al-Quran.

Mata pelajaran Khatam al-Quran ini dibimbing oleh guru yang terlibat dengan program j-QAF semasa sesi persekolahan. Waktu pengajaran hendaklah menggunakan waktu Pendidikan Islam sedia ada. Selain dari itu aktiviti-aktiviti tambahan bolehlah diadakan.

Usaha ini diharapkan bukan sahaja mampu melahirkan murid yang mahir membaca al-Quran tetapi juga mampu khatam al-Quran, sebelum menamatkan persekolahan peringkat sekolah rendah.

## PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mata pelajaran ini menekankan bidang pembacaan secara *talaqi* dan *musyafahah* untuk membolehkan murid-murid khatam al-Quran serta membaca dengan lancar dan bertajwid. Murid-murid akan dibimbing sehingga boleh menguasai keseluruhan bacaan al-Quran dengan sempurna sesuai dengan kemampuan murid-murid sekolah rendah. Murid-murid dan guru hendaklah menggunakan naskhah al-Quran Rasm Uthmani Berwarna dan Bertajwid untuk memudahkan pembacaan.

Pengajaran dan Pembelajaran j-QAF yang mengandungi mata pelajaran Khatam al-Quran perlu diurus dengan teratur dengan menggunakan pendekatan dan kaedah yang sesuai. Perkara inii sangat penting bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Khatam al-Quran serta menarik minat murid-murid untuk terus belajar dan membaca al-Quran bukan sahaja sehingga khatam tetapi juga turut membudayakannya dalam kehidupan seharian.

Selain pendekatan pengajaran dan pembelajaran, aktivitii kokurikulum seperti Kem Bina Juara, Majlis Khatam al-Quran peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan hendaklah dilaksanakan bagi menggalakkan murid-murid lebih berminat dan cenderung kepada aktiviti tilawah al-Quran dan pembinaan peribadi dan adab mulia.

## SKOP

Mata Pelajaran Khatam al-Quran ini merangkumi pembacaan al-Quran dari juzuk 1 hingga 30.





## MATLAMAT

Matlamat mata pelajaran khatam al-Quran adalah untuk menghasilkan murid yang khatam al-Quran semasa berada di sekolah rendah lagi dan mengamalkan bacaan dengan betul dan bertajwid.

## OBJEKTIF

Setelah mengikuti mata pelajaran Khatam al-Quran, murid-murid dapat:

1. Membaca ayat-ayat al-Quran mengikut makhraj huruf yang betul.
2. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan hukum tajwid yang betul.
3. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan lancar dan fasih.
4. Khatam al-Quran di peringkat sekolah rendah.

## KANDUNGAN

Membaca surah-surah berikut dengan betul dan fasih:

1. Juzuk 1
   - (a) Al-Fatihah
   - (b) Al-Baqarah

2. Juzuk 2
   - (a) Al-Baqarah

3. Juzuk 3
   - (a) Al-Baqarah
   - (b) Ali Imran